

GLYCERYL TRINITRATE TABLET BP 500MCG

Glyceryl Trinitrate 500mcg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Glyceryl Trinitrate
2. Bagaimana Glyceryl Trinitrate berfungsi
3. Sebelum mengguna Glyceryl Trinitrate
4. Cara menggunakan Glyceryl Trinitrate
5. Semasa menggunakan Glyceryl Trinitrate
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Glyceryl Trinitrate
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Glyceryl Trinitrate

Glyceryl Trinitrate digunakan untuk:

- Memperbaiki aliran darah jantung
- Mencegah atau merawat sakit dada yang disebabkan oleh kekejangan otot jantung (angina pectoris)
- Meringankan kolik buah pinggang dan pundi hempedu

Bagaimana Glyceryl Trinitrate berfungsi

Glyceryl Trinitrate mengandungi 500mcg glyceryl trinitrate. Ia melegakan otot sekeliling salur darah (arteri dan vena) dan mambantu pembekalan darah dan oksigen yang secukupnya pada otot jantung.

Sebelum mengguna Glyceryl Trinitrate

- Bila tidak boleh mengguna

Jangan menggunakan Glyceryl Trinitrate jika:

- Anda didapati hipersensitif pada nitrat dan bahan-bahan lain dalam tablet.
- Anda mempunyai anemia, trauma kepala, pendarahan dalam otak, atau glaukoma sudut-tertutup (sejenis penyakit mata).
- Anda mempunyai pembekuan darah dalam saluran darah jantung

- Anda mengambil ubat untuk masalah mati pucuk, seperti sildenafil.

- Sebelum mula mengguna produk

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda:

- Mempunyai alahan kepada Glyceryl Trinitrate, nitrates atau ubat/ pewarna/ makanan yang lain.
- Mempunyai masalah hati atau buah pinggang.
- Ada hipotiroidisme (kekurangan penghasilan hormon tiroid)
- Mempunyai suhu badan yang rendah (hipotermia)
- Mempunyai sebarang masalah jantung pada masa dahulu atau sekarang

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila memberitau doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk apa yang dibeli tanpa preskripsi, terutamanya:

- Sildenafil, digunakan untuk merawat masalah mati pucuk

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda kerana mereka mempunyai senarai ubat yang lebih lengkap dan terperinci.

Cara menggunakan Glyceryl Trinitrate

- Berapa banyak harus digunakan

1-2 tablets (0.5-1.0mg) perlu diletakkan di bawah lidah dan dibiarkan mencair perlahan-lahan; dos boleh diulangi jika perlu.

Doktor akan menyelaraskan dos yang sesuai untuk anda mengikut kesan Glyceryl Trinitrate kepada anda dan tahap kesakitan angina.

- Bila perlu digunakan

Ambil 1-2 tablet apabila sakit atau menggunakannya seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Jangan mengambil Glyceryl trinitrate melebihi dos yang disyorkan.

- Berapa lama perlu digunakan

Selepas mengambil Glyceryl Trinitrate, anda sepatutnya berasa lega daripada sakit dada atau mana-mana rasa tidak selesa dalam kira-kira 2-3 minit dan berkesan selama 30-60 minit. Berhenti menggunakan ubat ini hanya jika dinasihati oleh doktor dan ahli farmasi.

- Jika terlupa mengguna

Glyceryl trinitrate hanya digunakan apabila diperlukan. Oleh itu, anda mungkin tidak terikat dengan jadual dos. Jika anda perlu menggunakan ubat ini dengan tetap, ambil dos yang terlupa sebaik sahaja anda ingat. Gunakan ubat ini seperti mana jadual yang ditetapkan. Jangan mengambil dos berganda untuk memenuhi dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja yang mengambil dos terlalu banyak. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan yang segera.

Gejala berlebihan termasuk muntah, kegelisahan, tekanan darah rendah, pengsan, sianosis (kulit bertukar biru), methaemoglobinaemia (gangguan darah yang akan mengakibatkan kekurangan bekalan oksigen ke tisu-tisu) dalam darah, kesejukan kulit, kesukaran bernafas, *bradycardia* (denyutan jantung perlahan) dan gangguan mental.

Semasa menggunakan Glyceryl Trinitrate

- Pekara yang perlu dilakukan

Tablet Glyceryl Trinitrate tablet mesti sentiasa bersama anda pada setiap masa. Beritahu doktor atau ahli farmasi bahawa anda mengambil Glyceryl trinitrate jika anda perlu mengambil ubat-ubatan yang lain. Beritahu doktor atau ahli farmasi

anda jika anda hamil atau menyusukan susu ibu kepada anak.

- Pekara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil Glyceryl trinitrate, atau menukar dos tanpa memberitahu doktor atau ahli farmasi. Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom yang sama atau keadaan seperti anda.

- Pekara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan Menggunakan Jentera

Glyceryl trinitrate boleh menyebabkan kepeningan. Anda harus memastikan pengguna tidak terjejas sebelum memandu atau menggunakan jentera. Kesan ini bertambah teruk jika anda guna bersama alkohol.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Glyceryl Trinitrate juga boleh menyebabkan kesan sampingan, tetapi bukan semua orang akan mengalami kesan-kesan sampingan tersebut. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan yang biasa adalah sakit kepala dan muka jadi merah. Kesan sampingan yang lain termasuk kepeningan, lemah dan *tachycardia* (denyutan jantung yang cepat).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantuan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers →Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan Glyceryl Trinitrate

- Penyimpanan

Lindungi daripada cahaya dan simpan di tempat yang kering di bawah 25 ° C. Tablet hendaklah disimpan di dalam bekas asal dan ditutup ketat.

Buang 8 minggu selepas pembukaan pertama.

Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Glyceryl Trinitrate berwarna putih, bulat, tablet dwicembung tidak bersalut, ditanda dengan huruf "C" pada satu muka dan huruf "GF" pada permukaan lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
Setiap tablet mengandungi 500mcg glyceryl trinitrate.

- Bahan tidak aktif:
Colloidal Anhydrous Silica, Colloidal Silicon Dioxide, Spray Dried Acacia, Industrial Methylated Spirits, Mannitol, Stearic Acid, Magnesium Stearate, Purified Water, Lactose

- Nombor MAL
MAL19871706AZ

Pengilang

Actavis UK Ltd,
Barnstaple, EX32 8NS, UK

Pemegang Pendaftaran Produk

MILRIN PHARMACEUTICAL CO.
(M) SDN. BHD.
125L, 5th Floor, Wisma Getah,
Macalister Road, 10400 Penang,
Malaysia.
Tel: 04-2286042, 2286741, 2288644
Fax: 04-2280757

Tarikh kemaskini RiMUP
14/7/2015

Nombor Siri
BPFK(R4/1)270515/00126